



جامعة إسلامية عالمية ماليزيا

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA

KEWIBAWAAN MAHKAMAH SYARIAH DAN MAHKAMAH AWAM: SATU KAJIAN PERBANDINGAN DI IPOH PERAK.

OLEH:

SHAHRUNNAZRI BIN ABDUL SAMAD
G 9713171

DONATED TO THE LIBRARY OF
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
BY

Management Services Division

Date Received : 16/01/98 nmp

**DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN
PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA**

**KEWIBAWAAN
MAHKAMAH SYARIAH DAN MAHKAMAH AWAM:
SATU KAJIAN PERBANDINGAN DI IPOH PERAK.**

OLEH:

**SHAHRUNNAZRI BIN ABDUL SAMAD
G 9713171**

PENYELIA

DR. ABDUL MOHAIMIN BIN NOORDIN AYUS

**KERTAS PROJEK INI ADALAH SATU LATIHAN
ILMIAH UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN DIPLOMA UNDANG-
UNDANG DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM
BAGI SESI 1997 / 98**

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA
GOMBAK**

PENGHARGAAN

Dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. yang dengan limpahan, taufiq, hidayat dan inayat-Nya telah memberi kesempatan kepada penulis di dalam usaha menyiapkan sebuah Kerat Projek sebagai memenuhi syarat untuk memperolehi Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Anatarabangsa, Malaysia.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada semua tenaga pengajar yang telah mencurahkan berbagai ilmu untuk penulis merencanakan kehidupan di dunia ini di atas landasan yang direhui Allah S.W.T.

Di dalam kesempatan ini juga penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Penyelia penulis Yang Berbahagia Dr. Abdul Mohaimin bin Noordin Ayus yang telah memberi segala nasihat, bimbingan dan tunjuk ajar di sepanjang penulisan ilmiah ini disiapkan.

Penulis juga ingin mengungkapkan rasa penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga buat keluarga semua, terutama buat ibu yang tersayang Hajah Siti Arbaiyah binti Hj. Hasan dan bapa Hj. Abdul Samad bin Alias. Juga buat isteri yang tercinta yang telah banyak berkorban disepanjang pengajian ini, Zakiah binti Ariffin, dan anak-anak, Mohammad

Syamil, Muhammad Syafin dan Zulfa Hanani, kerana kalian semua menjadi pendorong dan sumber inspirasi serta pencetus semangat untuk penulis menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga buat kakitangan Mahkamah Syariah Ipoh dan Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Perak serta Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret yang telah memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi membantu penulis menyiapkan latihan ilmiah ini. Terima kasih juga ke atas Jabatan Agama Islam Perak dan Jabatan Perkhidmatan Awam yang telah memberikan sokongan serta rakan-rakan di sepanjang pengajian bersama kalian di sepanjang tempoh sesi 1997/98.


Akhirnya, penulis mengharapkan agar kajian ini memberi sedikit maklumat dan kefahaman kepada pembaca. Segala kritikan yang membina amat dialu-alukan kerana penulis merasakan banyak kekurangan dan kelemahan yang perlu diperbaiki untuk mencapai tahap penulisan yang baik.

Terima Kasih, Wassalam.

Shahrunnazri bin Abdul Samad,
Jabatan Agama Islam Perak.

PENGAKUAN

“Saya dengan ini mengakui bahawa penulisan ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan-ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”



SHAHRUNNAZRI BIN ABDUL SAMAD
APRIL 1999

ABSTRAK

Kehakiman merupakan institusi terpenting dalam sesebuah masyarakat dan negara. Ia berfungsi menjalankan undang-undang dan sebagai jentera penentuan bagi memastikan perpaduan di kalangan masyarakat dan memelihara hak-hak mereka. Di negara kita telah wujud dua institusi kehakiman yang berbeza, iaitu Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah sejak, dari zaman penjajah lagi hingga kini. Walaupun demikian, dari segi perbezaan, kedua-dua mahkamah ini mempunyai perbezaan yang begitu ketara sekali dalam apa perkara sekalipun. Penulis membuat sedikit kajian perbandingan di antara kedua-dua mahkamah ini dengan menumpukan dari aspek pentadbiran yang diharapkan untuk menjawab pendapat umum tentang kelemahan dan hilangnya ‘rasa hormat’ kepada Mahkamah Syariah. Justeru itu, berdasarkan statistik-statistik dan fakta-fakta, penulis telah dapat mengenal pasti beberapa jawapan kepada persoalan mengapakah wujudnya perbandingan di antara kedua-dua mahkamah ini. Penulis juga telah membuat rumusan dan cadangan untuk diambil kira oleh semua pihak untuk menaikkan imej Mahkamah Syariah dalam institusi kehakiman negara.

Pendahuluan

“Kewibawaan Mahkamah Syariah Dan Mahkamah Awam: Satu Kajian Perbandingan di Ipoh Perak”.

Tajuk ini telah dipilih oleh penulis adalah untuk membuat satu perbandingan perjalanan pentadbiran Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Rendah Sivil (Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen). Penulis memfokuskan khusus kepada bahagian pentadbiran kedua-dua mahkamah ini adalah berdasarkan kepada tanggapan umum yang sering memperkatakan kelebihan dan kekurangan antara kedua-dua mahkamah ini. Apa yang sering diperkatakan oleh mereka pada kebiasaannya adalah soal bidang kuasa, infrastruktur, pentadbiran dan perjawatan kakitangan mahkamah.

Justeru itu penulis cuba dengan sedaya upaya untuk mencari kelebihan dan kekurangan di antara dua mahkamah ini. Tambahan pula dalam suasana negara kita yang sering dikaitkan dengan era kebangkitan Islam, majoriti masyarakat sering memperkatakan tentang kedhaifan Mahkamah Syariah.

Lantaran itu untuk menyingkap persoalan ini penulis cuba melihat perbezaan-perbezaan di antara kedua-dua mahkamah ini. Semoga dengan fakta-fakta serta maklumat-maklumat yang dimuatkan dalam hasil penulisan ini sedikit sebanyak akan memberi jawapan kepada persoalan-persoalan ini serta menjadi iktibar kepada semua pihak yang berkaitan untuk menyamatarafkan kedua-dua mahkamah ini demi menegakkan keadilan yang sejagat. Diharapkan juga tulisan ini akan memberikan saranan-saranan yang jitu bagi mangangkat institusi kehakiman negara.

Tujuan Kajian

Kajian ini ditulis sebagai memenuhi syarat untuk memperolehi Diploma Undang-Undang Pentadbiran Kehakiman Islam, UIAM. Diharapkan hasil tulisan yang ringkas ini akan dapat memaparkan perbezaan sama ada kelebihan dan kekurangan antara kedua mahkamah ini agar menjadi dorongan kepada pihak-pihak yang berkaitan untuk meletakkan institusi kehakiman itu ke tempat yang sewajarnya sebagaimana yang dituntut oleh Al-Quran.

Latarbelakang Kajian

Di dalam menyiapkan kajian ilmiah ini, penulis belum lagi menemui satu kajian yang terdahulu yang menyamai dengan kajian yang penulis lakukan di perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Penulis banyak membuat kajian dengan membuat pemerhatian perjalanan kedua-dua mahkamah ini, terutamanya mengambil kira pandangan orang ramai yang memperkatakan tentang dhaifnya Mahkamah Syariah, walaupun ungkapan ini tidak sepatutnya dilontarkan ke dalam sesebuah negara yang agama rasminya adalah agama Islam. Justeru itu apa yang menarik perhatian penulis untuk menuliskan tajuk ini sikap sebahagian masyarakat yang hilang rasa hormat kepada Mahkamah Syariah berbanding Mahkamah Sivil.

Perkara ini ditambah lagi dengan pengalaman penulis sendiri yang pernah bertugas sebagai Kadi di mana masyarakat berani membuat kacau dengan melontarkan cemuhan-cemuhan kepada sistem Keadilan Syariah di negara ini. Persoalan-persoalan demikianlah yang mendorong kuat penulis membuat sedikit kajian mengapa dan kenapa perkara sedemikian harus berlaku kepada Institusi Keadilan Syariah berbanding Mahkamah Sivil. Perkara demikian amat jarang berlaku di Mahkamah Sivil. Ini menunjukkan rasa "kegerunan" masyarakat sebenarnya tidak ada pada Mahkamah Syariah.

Metodologi Kajian

Di dalam menyiapkan kajian ilmiah ini, penulis menggunakan method penyelidikan perpustakaan dan juga kajian luar seperti temubual dan pemerhatian penulis kepada kedua-dua mahkamah ini. Di samping itu juga, penulis mengumpulkan data-data daripada kedua-dua mahkamah berkenaan.

Kadangkala menjadi kesukaran juga kepada penulis mendapatkan fakta-fakta yang tepat seperti perkara yang melibatkan statistik kes terutamanya di Mahkamah Sivil kerana statistik-statistik ini adalah dilarang untuk diambil dan disebarluaskan kepada masyarakat umum. Walau bagaimanapun, Alhamdulillah penulis berjaya mendapat sebahagian fakta sebagai asas perbandingan di antara kedua-dua Mahkamah walaupun natijahnya tidaklah seratus peratus tepat.

KANDUNGAN

	mukasurat
Penghargaan	i
Pengakuan	iii
Abstrak	iv
Pendahuluan	v
Kandungan	ix

BAB PERTAMA

1.1. Kedudukan Institusi Kehakiman Menurut Pandangan Islam	1
1.2. Sejarah Perlaksanaannya Di Zaman Awalan Islam	7
1.3. Sejarah Perlaksanaan Institusi Kehakiman Di Malaysia	17

BAB KEDUA

2.1. Mahkamah Syariah Di Perak	22
2.2. Perjalanan Mahkamah Rendah Syariah Zon Ipoh	22
2.2.1 Penubuhan	22
2.2.2 Prasarana	26

2.2.3	Organisasi Dan Pentadbiran	27
2.2.4	Bidangkuasa	28
2.3.	Perjalanan Mahkamah Majistret Dan Mahkamah Sesyen Ipoh	31
2.3.1	Penubuhan	31
2.3.2	Prasarana	32
2.3.3	Organisasi Dan Pentadbiran	33
2.3.4	Bidangkuasa	35

BAB KETIGA

3.1.	Rumusan	36
3.2.	Cadangan	40
3.2.1	Bidangkuasa	40
3.2.2	Pindaan Kepada Jadual 9 Perlembagaan	43
3.2.3	Pengurusan Pentadbiran Dan Kakitangan	44
3.2.4	Pembangunan Fizikal	47
3.2.5	Latihan Kakitangan	50
3.2.6	Perhubungan Awam	52
3.2.7	Pungutan Hasil	54

بَلْ

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

قُرْآنٌ مُّكَفَّرٌ

BAB PERTAMA

KEWIBAWAAN MAHKAMAH SYARIAH DAN MAHKAMAH AWAM : SATU KAJIAN PERBANDINGAN DI IPOH PERAK

1.1. Kedudukan Institusi Kehakiman Menurut Pandangan Islam

Islam adalah sebuah agama yang lengkap dan sempurna “deen al-Syamil” yang membincangkan semua perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia hingga kepada soal yang berkait dengan keadilan. Maka kerana itu tidak hairanlah Islam itu amat menekankan soal keadilan sehingga salah satu daripada asma’ul Husna itu disebut sebagai “al-‘adil”.

Islam menghendaki agar keadilan ditegakkan dan kezaliman dihapuskan. Hak dan kepentingan individu adalah wajib dijaga dan dipertahankan, serta tidak boleh dicabul. Di samping itu kepentingan masyarakat juga hendaklah dipelihara dan dipertahankan. Hak kepentingan individu dan masyarakat ini hendaklah diselaraskan. Jika terdapat peranggahan maka hendaklah diselesaikan dengan sebaik mungkin.

Jika tidak ada institusi kehakiman, ini bererti kezaliman akan berterusan, sedangkan Islam menghendaki kezaliman dalam bentuk apa sekali pun hendaklah dihapuskan. Ini dijelaskan dalam Al- Qur'an.

Firman Allah s.w.t.:¹

وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ الظَّالِمِينَ

Bermaksud : *Allah tidak suka kepada orang yang zalim.*

Allah menegaskan orang zalim tidak akan mendapat petunjuk dari-Nya dan akan dibalas dengan balasan yang pedih di atas perbuatan mereka itu².

Firman Allah s.w.t.³

وَذَلِكَ جَزْءٌ مِّنَ الْعَذَابِ

Maksudnya: “Dan inilah dia (api neraka) balasan orang-orang yang zalim”

Islam begitu menekankan dalam membentuk gagasan keadilan yang sejagat demi mewujudkan suasana hormat-menghormati hak sesama manusia. Masyarakat Islam adalah masyarakat yang mahu keselamatan ummah terjamin

¹ Al-Qur'an, Surah Ali Imran, ayat : 57.

² Prof. Dr. Mahmud Awang Othman, Nota kuliah Kertas Am 1, Diploma Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam (DAIJ) Sesi 1995-1996.

³ Al-Qur'an, Surah Al Maidah : 29.

dan menjelaskan hak-hak individu yang hidup dalam pelbagai masyarakat demi menjaga kepentingan "maslahah ammah".⁴

Secara lebih mendalam lagi, gesaan mewujud dan mempertahankan Institusi Kehakiman ini, menurut Islam, adalah suatu amanah yang wajib dipikul oleh umatnya dengan suatu matlamat, iaitu demi kerelaan Allah.⁵

Firman Allah s.w.t.⁶

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ دَامَنُوا كُوْنُوا قَوَّامِينَ بِالْقُسْطِ
شُهَدَاءَ اللَّهِ وَلَوْ عَلَى أَنفُسِكُمْ أَوْ الْوَلَدَينِ
وَالْأَقْرَبَيْنَ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا
فَإِنَّ اللَّهَ أَوْلَى بِعِصْمَانِ فَلَا تَسْبِعُوا الْهَوَى
أَنْ تَعْدِلُوا وَإِنْ تَلُوْوا أَوْ تَعْرِضُوا فَإِنَّ
اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرًا.

⁴ Abdul Rahman I. Doi. *Shariah The Islamic Law*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd. 1989, hal. 8

⁵ Muhamad 'abdullah Al Khatib. *Ciri-ciri Khusus Masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Abdul Majis & Pustaka Hamedun, 1990 , hal. 173.

⁶ Al-Quran, Surah An-Nisa: 135

Bermaksud: "Hai orang-orang beriman. Hendaklah kamu menjadi orang yang kuat menegakkan keadilan, menjadi saksi kebenaran kerana Allah, biarpun terhadap dirimu sendiri atau ibubapamu atau sahabatmu; baik orang kaya atau miskin kerana Allah dekat kepada keduanya. Sebab itu janganlah kamu turutkan kemauan yang rendah (hawa nafsu) untuk tidak berlaku adil. Kalau kamu berputar atau tidak menurut, sesungguhnya Allah itu tahu benar apa yang kamu kerjakan".

Keadilan merupakan sifat Allah dan neracanya di dunia. Para Rasul telah diutuskan, di antara lain, membawa prinsip ini. Semua syariat Ilahi membawa prinsip keadilan untuk kedamaian hidup manusia.⁷

Firman Allah s.w.t.⁸

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رَسُولَنَا بِالْبَيِّنَاتِ
وَأَنْزَلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ وَالْمِيزَانَ
لِيَقُوْمُ النَّاسُ بِالْقُسْطِ

Bermaksud : "Sesungguhnya Kami telah mengutus rusul-rasul Kami membawa keterangan yang jelas

⁷ Alias Othman, *Asas-Asas Penulisan Politik Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1994 , hal 253

⁸ Al-Qur'an, Surah Al-Hadid : 25

dan Kami turunkan bersama mereka kitab dan neraca supaya manusia dapat berdiri menegakkan keadilan".

Maka kerana itulah setiap risalah yang dibawa oleh setiap rasul itu adalah untuk memantapkan keadilan di dalam kehidupan setiap manusia yang mana manusia itu dilantik oleh Allah sebagai Khalifah di dunia ini untuk melaksanakan segala amanah yang ditentukan Allah.

Firman Allah s.w.t.⁹

وَلَا تَقْرِبُوا مَالَ الْيَتَمِّ إِلَّا بِالْتِي هِيَ أَحْسَنُ
حَتَّىٰ يَبْلُغَ أَسْدَهُ وَأَوْفُوا الْكَيْلَ وَالْمِيزَانَ
بِالْقِسْطِ لَا تَنْكِفُ نَفْسًا إِلَّا وَسَعَهَا وَإِذَا
قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَانِ وَبِعِهْدِ
اللَّهِ أَوْ فُرُّا ذِلِّكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ .

Bermaksud: "Dan sempurnakanlah segala sukatan dan timbangan dengan adil. Kami tidak memberatkan seseorang dengan kewajipan meluinkan sekadar kesanggupannya, dan apabila kamu menyatakan sesuatu maka hendaklah kamu berlaku adil walaupun dia adalah kerabatmu dan penuhilah janji Allah. Yang demikian itu diperintahkan Allah kepadamu agar kamu ingat".

⁹ Al-Qur'an, Surah Al - An'am : 152

Maka dapat kita nyatakan daripada ayat di atas bahawa keadilan itu adalah suatu yang mesti dilaksanakan kerana ia adalah suatu perintah yang telah tetapkan oleh syariah¹⁰.

Pentadbiran keadilan dalam Islam diasaskan kepada beberapa prinsip yang unggul dan ia merupakan tugas kolektif para mukminin untuk melaksanakannya sebagai satu ummah. Dalam erti kata yang lain, tugas pengadilan adalah salah satu taklif ad-Din yang dijadikan sebagai fardhu kifayah oleh Syariat ke atas umat Islam.¹¹

Keadilan tidak dapat ditegakkan, dan kezaliman tidak dapat dihapuskan dan dibentras seperti yang dikehendaki oleh Islam tanpa adanya institusi kehakiman. Ianya sangat diperlukan untuk menyelesaikan peritikaian dan memutuskan persengketaan.¹²

Tidak dapat dinafikan, bahawa di antara cara yang terpenting untuk mewujudkan keadilan, ialah dengan menegakkan Institusi Kehakiman Islam seperti yang dituntut Syariah bagi menjamin hak-hak daripada dicabul, sama ada hak manusia atau hak Allah, memelihara ummah, kehormatan dan harta.

¹⁰ Abu 'Uraiah. Sistem- Sistem Islam. Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1989, hal.179

¹¹ Ibid.

¹² Syed Sabiq, Fiqh al-Sunnah, Beirut ,Dar al-Kutub al-Arabiyyah, Jld. III, hal . 392

Kedatangan Islam telah membatasi kehendak nafsu manusia itu di samping memelihara kepentingan mereka. Adanya suruhan dan tegahan bukan bererti perundangan Islam itu sempit dan susah untuk diamalkan. Perundangan Islam seperti juga perundangan yang lain mempunyai asas prinsip yang tersendiri.¹³

1.2. Sejarah Perlaksanaannya Di Zaman Awalan Islam

Sebagai kita maklum bahawa Islam amat menekankan keadilan dalam setiap aspek aktiviti kehidupan manusia. Persoalan keadilan ini telah dimonopoli oleh Islam sejak dilantiknya Nabi Muhammad S.A.W. menjadi Rasul. Kita amat bertuah sekali menjadi penganut yang beragama Islam kerana bukan sahaja semua aspek telah dinyatakan dalam Al- Quran malahan tidak terkecuali juga dalam aspek penghakiman dan keadilan.

Apa yang kita maklum, di zaman Rasulullah s.a.w. , Rasulullah s.a.w. sendiri adalah orang yang memegang kuasa perundangan. Kuasa perundangan di sini adalah dimaksudkan menyampaikan hukum menjelaskan nas-nas dari pembuat undang-undang dan melaksanakan hukum-hukum yang perlu dijalankan.¹⁴

¹³ A. Monir Yaacub. Sejarah Perundangan Islam. Kuala Lumpur: DBP, 1988 , hal.191.

¹⁴ Ibid., hal. 99

Kuasa perundangan pada zaman Rasulullah s.a.w. ialah menyampaikan hukum-hukum dan menjelaskan nas-nas Al-Qur'an melalui Sunnah. Segala perkara yang berlaku yang jelas nasnya telah dihuraikan oleh Baginda Rasulullah sama ada dengan menjelaskannya berdasarkan ilham dari Allah s.w.t. atau mengeluarkan pendapat akal Baginda sendiri. Oleh kuasa perundangan ada pada Nabi seorang, maka segala permasalahan yang timbul dapat diatasi dengan senang. Setiap hukum yang dikeluarkan oleh Rasulullah diterima tanpa diragui.

Baginda Rasulullah s.a.w. adalah ketua pemerintah, pentadbir dan pelaksana bagi Kerajaan Islam pertama di Madinah, dalam masa yang sama Baginda adalah juga ketua bagi Institusi Kehakiman Islam. Baginda merupakan hakim tertinggi dan rujukan terakhir di bidang kehakiman ini. Baginda Rasulullah juga telah memutuskan kes-kes dan menyelesaikan pertikaian berdasarkan undang-undang Islam.¹⁵

Firman Allah s.w.t.¹⁶

فَإِنْ تَرَزَّعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ
وَالْوَسُولِ

Maksudnya: "Jika kamu berbantah di dalam sesuatu perkara, hendaklah kamu kembali kepada Allah (kitab Allah) dan Rasulnya".

¹⁵ Prof. Dr Mahmud Saedon Othman."Islam Pada Zaman Rasulullah" Dlm. Jurnal Hukum, Jld VII Bhg II, hal. 138.

¹⁶ Al-Qur'an, Surah An-Nisa: 59

Pentadbiran undang-undang dan kehakiman di zaman Rasulullah s.a.w. berjalan dengan lancar dan licin kerana ianya bukan sahaja diketuai oleh seorang qadhi yang bijaksana, malahan dalam masa yang sama Baginda adalah seorang rasul yang terpelihara dari melakukan kesalahan.

Mungkin ada yang berkata bahawa Rasulullah s.a.w. menghukum atas sifat Baginda sebagai qadhi dan bukan rasul, yang demikian hukuman Baginda berdasarkan ijtihad adalah terdedah kepada kesalahan dan kesilapan, dan yang demikian hukuman Baginda juga mungkin tidak sunyi dari salah dan silap. Jika diperhatikan dengan teliti, Rasulullah adalah terkecuali demi kaedah ini, kerana walaupun Baginda memutuskan hukuman dan menyelesaikan pertikaian sebagai seorang qadhi, beliau tetap merupakan seorang Rasul yang mendapat wahyu dan bimbingan dari Allah. Jika ijtihad Baginda benar, maka ianya adalah diakui kebenarannya oleh Allah, dan jika salah ianya akan diperbetulkan oleh Allah seperti ijtihad Baginda mengenai tawanan perang. Yang demikian tidak timbul hukuman dan keputusan Rasullah s.a.w. mungkin salah atau tidak tepat.¹⁷

Firman Allah s.w.t¹⁸.

وَمَا يُنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْدَهُ يُوحِيٌ

¹⁷ Professor Dr. Mahmud Saedon Othman."Kehakiman Islam Pada Zaman Rasulullah". dlm. Jurnal Hukum, Jilid vii, Bahagian Hal Ehwal Islam JPM, hal.139

Bermaksud: "Dan ianya (Nabi Muhammad s.a.w.) tidak berkata-kata mengikut hawa nafsunya, tetapi ianya adalah wahyu yang telah diwahyukan".

Maka kerana itu, dapatlah dikatakan bahawa keputusan penghakiman yang paling adil dan sempurna adalah keputusan yang diputuskan oleh Baginda sendiri. Sejarah telah mencatat bahawa di zaman awal Islam Rasulullah S.A.W. sendiri telah melaksanakan tugas kehakiman dan mengetuai institusi tersebut. Baginda adalah hakim yang pertama di dalam Islam. Banyak kes-kes yang membuktikan kenyataan tersebut, di antaranya ialah:

Diriwayatkan daripada Aishah R.H. berkata: Hindun binti Utbah iaitu isteri Abu Sufian telah bertemu Rasulullah S.A.W. seraya berkata: Wahai Rasulullah S.A.W. sesungguhnya Abu Sufian adalah seorang yang kikir. Dia telah memberi nafkah yang secukupnya untukku dan anakku kecuali aku terpaksa mengambil sendiri sebahagian hartanya tanpa pengetahuannya. Adakah harus sekiranya aku melakukan demikian? Rasulullah s.a.w. menjawab: Ambillah sebahagian hartanya dengan cara yang baik sekadar mencukupkan nafkahmu dan anakmu.¹⁹

¹⁸ Al-Qur'an, Surah al-Najm : 3-4.

¹⁹ Muhammad Al-Bakr. Al-Sultah Al-Qadaiyyah Wa Sahsiyyah Al-Qadhi Fi Al-Nizam Al-Islam. Qahirah, Al-Zahra' Lil I'lam Al-Arabi, hal. 82.

Di dalam kes jenayah pula terdapat dalil seperti berikut:

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah beliau meriwayatkan bahawa seorang lelaki telah menemui Rasullah seraya berkata: "Saya tidak akan mengaku tuhan Allah sekiranya tuan memutuskan hukuman di antara kami dengan kitab Allah." Maka pihak lawannya yang lebih bijak juga bangun dan berkata: "Ya benar, bicarakanlah kami menerusi kitab Allah dan berilah peluang kepadaku dahulu wahai Rasulullah". Rasulullah menjawab: "Baik sila katakan". Maka lelaki itu menerangkan: "Sesungguhnya anak lelakiku bekerja mengambil upah daripada keluarga ini, kemudian dia telah berzina dengan isteri lelaki ini, maka aku telah membayar ganti riui kepadanya dengan seratus ekor biri-biri dan seorang hamba. Kemudian aku telah bertanya kalangan orang-orang alim, lantas mereka memberitahuku bahawa hukuman kepada anakku ialah seratus kali rotan dan dipenjarakan setahun. Manakala hukuman ke atas isterinya ialah rejam". Rasulullah bersabda: "Demi sesungguhnya jiwaku yang berada digenggaman Allah, nescaya aku akan memutuskannya dengan kitab Allah. Seratus ekor biri-biri dan seorang hamba hendaklah dikembalikan kepadamu dan anakmu diijatuhkan hukuman seratus kali rotan dan penjara setahun. Wahai sahabatku esok pagi engkau hendaklah menanyakan dakwaan ini kepada wanita tersebut, sekiranya ia mengaku maka